

**AHKAM SYAR`IYYAH JOHOR:
MODEL KOD UNDANG-UNDANG DALAM PENGUKUHAN INSTITUSI
KEKELUARGAAN ISLAM DI NEGERI JOHOR ¹**

Prof. Dr. Abd Jalil Borham

Dekan Pusat Bahasa Moden Dan Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
jalil@ump.edu.my

Abstrak

Hubungan Kerajaan Johor di Asia Tenggara dengan Kerajaan Othmaniyyah di Turki sejak tahun 1893 iaitu di zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, Maharaja dan Sultan bagi negeri dan jajahan Johor telah membawa impak yang tinggi dalam berbagai aspek. Hikayat Johor menyatakan bahawa Kedudukan Johor satu-satunya negara di sebelah timur yang pada masa itu begitu bersungguh-sungguh menjadikan Islam sebagai dasar negaranya telah membuka ruang kepada Kerajaan Othmaniyyah untuk mengadakan hubungan yang lebih erat di antara sebuah negara Islam khususnya di Asia Barat. Berbagai kenyataan menunjukkan bahawa hubungan Johor dengan Kerajaan Othmaniyyah membawa suatu pengaruh baharu ke negeri Johor. Misalnya pelaksanaan Undang-Undang Tubuh Johor 1895, cara berpakaian Sultan Johor, bendera Johor, reka bentuk bangunan pentadbiran dan masjid-masjid di Johor, pelaksanaan undang-undang mal Islam iaitu *Majallah Ahkam Johor*, undang-undang keluarga Islam iaitu *Ahkam Syar`iyyah Johor* dan yang paling menarik penganugerahan darjah bintang kebesaran Sultan Johor.

Sesungguhnya hubungan Johor dengan Kerajaan Othmaniyyah sebagai sebuah khilafah empayar Islam juga telah memberikan kesan yang amat positif dalam perkembangan undang-undang Islam di negeri Johor. Perkara ini dapat dilihat dengan pelaksanaan *Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah* sebagai kod undang-undang mal Islam sejak tahun 1893 Masihi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan nama "*Majallah Ahkam Johor*". Ia dijadikan panduan rasmi berkenaan dengan hukum syarak di negeri Johor pada tahun 1913 Masihi. Usaha mengukuhkan pelaksanaan undang-undang Islam seterusnya telah dilakukan pada tahun 1935 Masihi di bawah pemerintahan anakanda baginda iaitu Sultan Ibrahim. Kod undang-undang keluarga Islam terjemahan kitab "*Al-Ahkam al-Syar`iyyah fi al-Ahwal al-Syahsiyyah*" dari Kerajaan Othmaniyyah ini telah disusun bagi membincangkan secara substantif mengenai hal ehwal perkahwinan, poligami, perceraian dan perkara yang berkaitan dengannya. Ia dinamakan "*Ahkam Syar`iyyah Johor*" sebagai model kod undang-undang dalam usaha mengukuhkan institusi kekeluargaan Islam di negeri Johor.

¹ Kertaskerja ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Kekeluargaan Dari Perspektif Global (ICFI2014) anjuran Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) & Kerajaan Johor pada 13 Februari 2014 di Johor Bahru, Johor.

Kata kunci: Ahkam Syar'iyah Johor, Undang-undang keluarga Islam, Kerajaan Othmaniyyah

Pendahuluan

Hubungan Kerajaan Johor dengan kerajaan Islam Othmaniyyah bermula apabila Sultan Johor pada ketika itu iaitu Sultan Abu Bakar mengadakan siri lawatannya ke negara tersebut pada tahun 1893 Masihi. Kedudukan Johor satu-satunya negara di sebelah timur pada masa itu yang begitu bersungguh-sungguh menjadikan Islam sebagai dasar negaranya telah membuka ruang kepada Kerajaan Othmaniyyah untuk mengadakan hubungan yang lebih erat di antara sebuah negara Islam di Asia Barat. Hal ini dibuktikan oleh *Hikayat Johor* yang menyebut, “*Hingga pada akhirnya lantastah Yang Maha Mulia berjumpa dengan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Majid Khan di Kostantinopel. Maka diterimalah oleh baginda dengan sebaik-baik terimaan serta diraikan dengan secukup-cukupnya kerana amatlah gemar Yang Maha Mulia Sultan Turki itu melihatkan seorang raja sebelah timur begitu baik bawaan dan aturannya pada hal beragama Islam.*” (Mohd. Said Hj. Sulaiman: 1951).

Hubungan Johor dengan Kerajaan Othmaniyyah sebagai sebuah negara Islam juga sesungguhnya telah memberikan kesan yang amat positif dalam perkembangan undang-undang Islam di negeri Johor. Perkara ini dapat dilihat dengan pelaksanaan *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah* sebagai undang-undang mal Islam sejak tahun 1893 Masihi. Kemudian semasa pemerintahan anakanda baginda Sultan Ibrahim, kod tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diberi nama “*Majalah Ahkam Johor*”. Ia dijadikan panduan rasmi berkenaan dengan hukum syara` di negeri Johor pada tahun 1913 Masihi. Perkara ini dibuktikan di dalam bahagian pengenalan *Majalah* tersebut, “*Adalah kitab ini mengandungi dalamnya bicara hukum-hukum fiqh yang diterbitkan daripada syari`at al-Islam yang telah dipakai dalam kerajaan Johor selama-lamanya dengan bahasa Arab.*” (*Majalah Ahkam Johor*, 1913). Seterusnya pada tahun 1935 Masihi, Johor telah menyusun satu kod undang-undang keluarga Islam yang membincangkan secara substantif mengenai hal ehwal perkahwinan, perceraian dan perkara yang berkaitan dengannya. Undang-undang tersebut dinamakan sebagai “*Ahkam Syar'iyah Johor*” (Abd Jalil Borham, 2002).

Latarbelakang Ahkam Syar'iyah Johor

Ahkam Syar'iyah Johor telah diterbitkan dalam dua juzuk atau bahagian. Juzuk pertama telah diterbitkan pada tahun 1935 dengan peruntukan sebanyak 468 maddah atau perkara, iaitu dimulai dari maddah 1 hingga maddah 468. Manakala juzuk kedua telah diterbitkan pada tahun 1940 dengan peruntukan sebanyak 460 maddah, iaitu dimulai dari maddah 469 hingga maddah 928. Di bahagian akhir juzuk kedua, penyusun undang-undang ini menyatakan ia akan menerbitkan juzuk yang ketiga pada masa hadapan. Namun sehingga hari ini usaha menerbitkan juzuk yang ketiga masih belum dilaksanakan oleh mana-mana pihak.

Kedua-dua juzuk teks bertulisan jawi berukuran 12 sm x 17.5 sm itu telah diterbitkan oleh Jabatan Agama Johor, Johor Bahru dan dicetak oleh Muhammadiyah Press, Parit Jamil, Muar, Johor. Kedua-duanya mencatatkan tajuk besar teks tersebut iaitu “*Ahkam Syar'iyah Johor*” dan diikuti dengan huraian tajuk iaitu “*Menyatakan Masalah-Masalah Yang Tertentu Dengan Diri Tiap-Tiap Manusia Dalam Ehwal Perkahwinan Dan Berlaki Bini.*”

Bagi menguatkuasakan pelaksanaan Ahkam Syar`iyyah Johor pada tahun 1934, Jabatan Agama Johor telah menggubal satu peraturan yang dinamakan, “*Peraturan Mahkamah Qadi Syar`iyyah Bagi Menjalankan Perkara-Perkara Yang Berkenaan Dengan Ehwal Orang-Orang Islam 1934.*” Peraturan ini kemudiannya disusun semula pada tahun 1943 dengan menggantikan nama “Ehwal Orang-Orang Islam” dengan “Hal Ehwal al-Syahsiyyah” dan dinamakan, “*Aturan Menjalankan Bicara Mahkamah Syar`iyyah Di Dalam Perkara Yang Berkenaan Dengan Hal Ehwal Al-Syahsiyyah 2603.*”

Ahkam Syar`iyyah Johor telah diterjemahkan dari Kitab “*Al-Ahkam al-Syar`iyyah fi al-Ahwal al-Syahsiyyah*” karangan Muhammad bin Zain al-Abyani oleh Yang Berhormat Dato’ Abdullah bin Abdul Rahman, Yang Dipertua Jabatan Agama Johor (Ahkam Syar`iyyah Johor, 1935). Kandungan kitab ini berasal dari Mazhab Hanafi yang diamalkan oleh Kerajaan Othmaniyyah Turki dan kemudian disesuaikan ke dalam mazhab Shafie sebagaimana yang dilakukan sebelumnya seperti Majalah Ahkam Johor. Usaha awal yang memohon supaya kitab ini diterjemahkan adalah bekas Mufti Kerajaan Johor iaitu Yang Berhormat Dato’ Sayed Abdul Qadir bin Muhsin al-Attas al-Alwi (1907-1933). Di zamannya beliau telah berjaya menterjemahkan undang-undang sivil Islam yang dilaksanakan dalam Kerajaan Othmaniyyah Turki iaitu Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah dan disesuaikan menjadi Majalah Ahkam Johor.

Usaha ini telah diteruskan oleh Mufti Kerajaan Johor selepasnya iaitu Dato’ Sayed Alwi bin Tahir al-Hadad (1934-1941) yang telah berjaya menyelesaikan juzuk pertama dengan tambahan sebanyak lebih 330 maddah. Ini bermakna Dato’ Sayed Abdul Qadir bin Muhsin al-Attas hanya sempat menyiapkan sebanyak 138 maddah sahaja. Pada masa beliau, rujukan terjemahan telah diperluaskan kepada kitab-kitab lain seperti kitab *Tuhfat* karangan Syeikh Ahmad Hajar al-Haitami, kitab *al-Anwar* karangan al-Ardabili, kitab *Asna al-Matalib Syarh Raud al-Talib* karangan al-Syeikh Zakaria al-Ansari, kitab *Bughyah al-Murtarsyidin*, kitab *Fatawa Ibnu Hajar* dan lain-lain.

Dalam juzuk pertama, penyusun Ahkam Syar`iyyah Johor menyatakan di dalam mukaddimahnya bahawa aspek utama penyusunan kitab tersebut adalah merangkumi segala perkara yang dianggap begitu penting kepada umat Islam ketika itu. Ini dinyatakan dengan, “*Amma ba`d, maka adalah hukum-hukum nikah dan segala cawangannya daripada hukum-hukum talak, zihar, li`an, iddah, nafkah, rada` (penyusunan), hadanah (penjagaan anak), dan hukum-hukum perpusakaan waris-waris dan fardu-fardunya, dan wasiat-wasiat, dan hukum-hukum wakaf, zakat dan baitulmal itu suatu perkara yang amat hampir dan bergantung dengan orang Islam kerana terhenti keadaan berumahtangga dan beranak pinak orang Islam itu di atasnya.*”

Namun apa yang didapati daripada kedua-dua juzuk teks tersebut ialah, juzuk pertama membincangkan hukum-hukum nikah dan perkara yang berkaitan dengannya, manakala juzuk kedua membincangkan masalah poligami dan talak serta perkara yang berkaitan dengannya. Besar kemungkinan perkara yang akan ditulis di dalam juzuk ketiga yang tidak dapat disiapkan oleh penyusun adalah berkaitan dengan masalah nafkah, penyusunan, hadanah, pusaka, wasiat, zakat dan baitulmal. Ini disebabkan ia adalah perkara-perkara lain selain yang dapat ditulis oleh penyusun di dalam juzuk pertama dan kedua dengan membandingkan kenyataan awalnya di dalam mukaddimah juzuk yang pertama.

Penyusunan Ahkam Syar`iyyah Johor ini memperlihatkan bahawa Kerajaan Johor telah mendahului negeri-negeri Melayu yang lain dalam merangka satu kod undang-undang keluarga Islam sebagai rujukan para Kadi yang lebih substantif dalam menyelesaikan

masalah-masalah yang timbul mengenai perkara tersebut. Ini dijelaskan di bahagian pendahuluan *Ahkam Syar`iyyah Johor* yang ditulis oleh Dato' Syeikh Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor pada 13hb. November, 1935 Masihi yang menyebut, “*Syahdan termustahaklah bagi pengawai-pegawai agama kepada muslimin mengambil berat atas sokongan hukum ini dan memperlazimkan serta memasyhurkan di antara muslimin yang demikian dipohonkan pemerintah-pemerintah mengambil ingatan memperlakukan dengan sempurnanya dan mendirikan kadi-kadi yang adil bagi memperluaskan dan menguatkan perkara-perkara yang menakutkan supaya dijalan dan diamalkan.*”

Sebelumnya Johor juga telah mendahului negeri-negeri Melayu lain dalam penyusunan kod undang-undang substantif mengenai muamalat atau undang-undang sivil Islam dengan tergubalnya Majalah *Ahkam Johor* 1913. Kedua-dua langkah di atas menunjukkan Johor begitu bersungguh-sungguh menukarkan undang-undang adat yang sebelum itu penggunaannya begitu meluas di negeri-negeri Melayu kepada undang-undang Islam. Walaubagaimanapun proses tersebut telah terbantut disebabkan campurtangan Inggeris di negeri Johor pada tahun 1914.

Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Pertama

Teks *Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Pertama* menghuraikan di bawah tajuk “*Menyatakan masalah-masalah yang tertentu dengan diri tiap-tiap manusia dalam ehwal perkahwinan dan berlaki bini*”. Ia dikeluarkan oleh Jabatan Agama Johor, Johor Bahru pada tahun 1935. Al-Sayed `Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor telah memulakan kitab ini dengan Pendahuluan Juzuk Yang Pertama yang ditulis di Pejabat Mufti Johor Bahru pada tarikh 13 November 1935. Beliau telah menjelaskan di bahagian Pendahuluan juzuk yang pertama ini dengan menyatakan perkara-perkara penting yang akan dimuatkan di dalam *Ahkam Syar`iyyah Johor* seperti hukum-hukum nikah, talak, zihar, li`an, `iddah, nafkah, rada` (penyusunan), hadanah (penjagaan anak), hukum pusaka, wasiat, wakaf dan baitulmal.

Beliau juga menyatakan bahawa perkara-perkara di atas adalah perkara yang amat hampir dengan kehidupan berkeluarga dan berumahtangga bagi menegakkan keadilan, hak dan kebenaran. Itulah sebenarnya perkara yang dapat menyempurnakan Islam dan iman seseorang serta perkara yang sabit bagi seseorang Islam hak kemuliaan atau kehormatan syarak. Beliau menjelaskan, “*Barangsiapa mendakwa dirinya Islam tetapi didatangi oleh syak hatinya akan sesuatu daripada hukum-hukum yang terbentang nasnya di dalam Kitab Allah atau yang mutawatir daripada sunnah RasulNya s.a.w yang telah diijma`kan oleh ulama atasnya nescaya adalah orang itu kafir, istimewa orang yang ingkarkan sesuatu daripadanya. Maka nyatalah dengan perkataan yang saya sebutkan itu tidak sempurna Islam orang muslim selagi tidak mengaku dan menerima akan demikian itu dan beramal menurut aturannya.*”

Dalam soal pelaksanaan undang-undang ini beliau menyatakan, “*Syahdan, termustahaklah bagi pengawal-pengawal agama kepada muslimin mengambil berat atas hukum-hukum ini dan memperlazimkan serta memasyhurkan di antara muslimin. Yang demikian dipohonkan pemerintah-pemerintah mengambil ingatan memperlakukan dengan sempurnanya dan mendirikan kadi-kadi yang adil bagi meluaskan dan menguatkan perkara-perkara yang menakutkan supaya dijalan dan diamalkan.*” Undang-undang keluarga Islam yang diambil daripada karangan ulama-ulama Islam yang terkenal, yang pada asalnya sukar difahami telah dapat dihuraikan semula dengan mudah dan dijadikan rujukan. Maka atas usaha Yang Berhormat Dato' Abdullah bin Abdul Rahman, Yang Dipertua Jabatan Agama

Kerajaan Johor, beliau telah menterjemahkan kitab *al-Ahkam al-Syar`iyyah fi al-Ahwal al-Syahsiyyah* karangan Muhammad bin Zaid al-Abyani Beq. Kitab ini asalnya dalam mazhab Hanafi tetapi telah disesuaikan atau “dipindahkan seberapa yang boleh” ke mazhab Shafie (Ahkam Syar`iyyah Johor, 1935).

Arahan menterjemah dan menghasilkan kitab ini pada mulanya telah dibuat oleh Yang Mulia al-`Allamah al-Sayed Abdul Qadir bin Mohsin al-Attas al-Alwi, bekas Mufti Kerajaan Johor. Beliau jugalah yang telah berjaya menterjemahkan kitab *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*, kod undang-undang sivil Islam dalam mazhab Hanafi menjadi “Majalah Ahkam Johor” pada tahun 1913. Setelah beliau meninggal dunia, usaha ini telah diteruskan oleh Mufti yang baru iaitu Al-Sayed `Alwi bin Tahir al-Haddad. Beliau telah berjaya menyelesaikan usaha ini dengan menghasilkan di dalam juzuk yang pertama lebih daripada 333 maddah atau perkara.

Perkara berkaitan dengan penyesuaian mazhab Hanafi ke mazhab Shafie, dijelaskan oleh beliau dalam pendahuluan ini dengan menyatakan, “*Saya tinggalkan beberapa maddah yang tidak ada bandingnya di dalam mazhab kita.*” Beliau telah merujuk kepada kitab-kitab lain dalam mazhab Shafie bagi tujuan tambahan dan pindaan iaitu Kitab *Tuhfat* karangan al-Syeikh Ahmad hajar al-Haitami dan beberapa hashiyahnya, Kitab *al-Anwar* karangan al-`Allamah al-Mutabakhir al-Ardabili, Kitab *Asma al-Matalib Sharh Raud al-Talib* karangan Syeikh al-Imam al-`Allamah al-Syeikh Zakaria al-Ansari, Kitab *Bughyah al-Mustarshidin, Fatawa al-Syeikh Ibnu Hajar* dan lain-lain.

Dalam usaha memahamkan masyarakat kepada kitab fiqh ini dengan sebaiknya, Al-Sayed `Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor telah menyarankan umat Islam supaya belajar dengan bersungguh-sungguh daripada guru yang alim dan mengerti, kerana tiap-tiap ilmu itu ada baginya istilah dan makna-makna yang khas sekalipun lafaznya bersekutu. Kitab ini disusun menggunakan bilangan fasal-fasal, huraian dan masalah dengan diletakkan nombor-nombor yang tertib bagi memudahkan pembacanya. “*Disusunkan maddah-maddah yang munasabah itu dengan suatu jalan yang hampir bagi mencapai maksud dan tujuan apabila dikehendakkan.*” Dalam usaha memahami dari guru yang alim dan mengerti, beliau menyatakan, “*Maka wajiblah atas pembaca-pembaca belajar lebih dahulu dan diterima dari guru-guru yang benar dan yang mengerti. Jangan semata-mata berpegang atas membaca atau mutala`ah sahaja dengan tidak dipelajari, lebih maklum orang yang bersyarah di dalam aturan atau undang-undang negeri tidak diterima perkataannya di dalam mahkamah dan lainnya selama tidak ada di sisinya syahadah (akuan) di dalam pelajarannya dan kelulusannya iaitu melulus yang sampai ke darjah yang diakukan.*”

Kandungan Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Pertama

Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk yang Pertama mengandungi satu kitab dan dua bab. Kitab tersebut ialah hukum-hukum nikah. Bab yang pertama mengandungi enam fasal, manakala bab yang kedua mengandungi 45 fasal. Bab yang pertama dimulakan dengan permulaan nikah.

Fasal yang pertama iaitu meminang. Fasal ini mengandungi 40 maddah atau perkara. Maddah 1 menyatakan, “*Meminang itu empat bahagian. Sunat, harus, makruh dan haram. (Alif) Harus dengan tiada makruh bertasrih (terang) meminang akan tiap-tiap perempuan melainkan perempuan yang akan disebutkan pada huruf (ba') dan (jim). Sunat meminang*

bagi tiap-tiap mereka yang sunat baginya berkahwin dengan bahawa ada ia mampu kepada persediaannya dan ingin kepada nikah. (Ba') Haram meminang dengan terang akan tiap-tiap perempuan yang di dalam `iddah daripada orang lain sama ada `iddah raj`iyyah atau ba'in dengan talak atau fasakh atau mati atau `iddah syubhah. Dan harus meminang dengan sindiran akan perempuan yang lain daripada `iddah raj`iyyah, maka jika dipersetujukan pinangannya itu dengan terang maka selagi berkekalan pinangan itu, haram atas orang lain meminang pula. (Jim) Pinangan laki-laki akan perempuan atau perempuan akan laki-laki yang di dalam ihram haji atau umrah dan pinangan mereka-mereka yang makruh baginya berkahwin sebab tiada mampu kepada persediaan serta tiada keinginan kepada nikah, sekaliannya itu makruh." Maddah 1 hingga 17, menyatakan pinangan seperti hukum memperkenankan pinangan, hukum memberi harta sebelum dan selepas akad, batas aurat semasa dan selepas meminang dan perkara sunat dalam meminang iaitu mendahulukan khutbah sebelum meminang. Maddah 18 hingga 40, menyatakan rukun nikah yang lima iaitu lafaz, suami, wali dan dua saksi. Ia menghuraikan dengan jelas tentang syarat-syarat ijab dan qabul yang dipetik daripada kitab *al-Anwar*, kitab *al-`Aziz* dan *al-Raudah*.

Fasal ke-2 (maddah 41), menyatakan tentang hukum laki dengan 10 syarat iaitu halal (tidak dalam ihram), *mukhtar* (tidak dipaksa), muslim, perempuan itu halal kepadanya, mengetahui akan ainnya (zatnya) atau namanya atau keturunannya, jika wakalah dengan dikhabarkan oleh wakil, tiada mempunyai bini lebih daripada empat orang, tidak anak yatim, tidak kecil yang gila atau *khuntha musykil* dan tidak safih yang tidak diizinkan.

Fasal ke-3 (maddah 42), menyatakan tentang hukum perempuan dengan 18 syarat iaitu tiada laki, tiada dalam `iddah bagi orang lain, tiada dili`ankan oleh laki itu, tiada *murtadah*, tiada *kafirah*, tiada *wathaniyyah* (menyembah berhala) dan tiada *zindiqiyah* (tidak ada agama sama sekali). Fasal ke-4 (maddah 43 hingga 54), menyatakan tentang hukum laki dan perempuan. Fasal ke-5 (maddah 55 hingga 73), menyatakan tentang hukum-hukum wali dengan 12 syarat seperti baligh, laki-laki, yakin, merdeka, halal (tidak dalam ihram), *mukhtar* (tidak dipaksa) dan tiada fasiq melainkan raja. Fasal ke-6 (maddah 74 hingga 87), menyatakan tentang hukum-hukum dua saksi dengan 14 syarat seperti Islam, baligh, berakal, laki-laki, merdeka dan lain-lain.

Bab yang kedua tentang tiada sah nikah yang mengandungi 45 fasal. Fasal yang pertama (maddah 88 hingga 95) tentang nikah dalam ihram. Maddah 88 menyatakan tentang tiada sah nikah dalam ihram, maddah 89, tiada sah nikah lebih daripada bilangan syara` iaitu empat orang bini bagi yang merdeka dan dua bini bagi sahaya (hamba). Maddah 90 hingga 95, menyatakan tentang tiada sah nikah dengan perempuan yang mahram dengan bininya.

Fasal ke-2 tentang mahram pihak nasab (kerabat) menyatakan tentang yang haram dinikah pihak nasab (maddah 96 hingga 98). Fasal ke-3 tentang mahram pihak susuan (maddah 99 hingga 102), fasal ke-4 tentang mahram pihak *musaharah* (maddah 103 hingga 110), fasal ke-5 tentang hukum *wati syubhah* (kesamaran) dalam maddah 111 (yang haram nikah dengan sebab *wati syubhah*), maddah 112 (*syubhah* yang melakukan *wati*), maddah 113 (*syubhah al-mahl*), maddah 114 (*syubhah al-tariq*), maddah 115 (yang *fasad* syarat nikah), maddah 116 (*wati syubhah* yang mewajibkan `iddah) dan maddah 117 hingga 118 (*wati syubhah* yang mewajibkan mahar).

Fasal ke-6 tentang haram nikah dengan janda yang ditalak tiga dalam maddah 119 hingga 129, fasal ke-7 tentang haram nikah dengan sebab hamba (sahaya) dalam maddah 130 hingga 132, fasal ke-8 tentang haram nikah dengan sebab kafir dalam maddah 133 hingga 17, fasal ke-9 tentang haram nikah dengan sebab murtad dalam maddah 138 hingga 140, fasal ke-

10 tentang sebab-sebab walayah nikah dalam maddah 141, fasal ke-11 tentang walayah kerabat dalam maddah 142 hingga 150 dan tiada sah *ijbar* dalam maddah 151 hingga 158.

Fasal ke-12 tentang wali khas yang tidak mujbir dengan dimulakan tertib wali kemudian daripada datuk dalam maddah 159 dan tiada sah akad dengan tiada ditertibkan wali dalam maddah 160 hingga 173. Fasal ke-13 tentang wali pihak wala` dengan dimulakan dengan tertib wali jariyah dalam maddah 174 hingga 175, fasal ke-14 tentang wali am dalam maddah 176, syarat-syarat bagi juru nikah dalam maddah 177 hingga 184, syarat orang yang memerintah pekerjaan akad nikah dalam maddah 185, yang mengandungi subtajuk iaitu perkataan saksi di hadapan kadi, wali enggan mewalikan, hukum kadi kemudian daripada menerima ikrar saksi, wali yang di dalam tahanan, wali yang hendak nikah, wali yang memerdekakan perempuan, diterima nikah daripada pihak wali am, kadi hendak nikah dengan perempuan tiada berwali, jariyah yang tiada berwali, mewalikan perempuan yang gila sudah baligh, mewalikan jariyah kafir masuk Islam, mewalikan jariyah tuannya perempuan yang tiada berwali, mewalikan jariyah muktabah yang masuk Islam, wali jariyah yang digantungkan merdekanya, jariyah yang masuk di dalam baitulmal, wali jariyah yang diwakafkan dan wali perempuan yang tiada diketahui wali.

Fasal ke-15 tentang hukum wali kepada akad nikah dengan dimulakan dengan harus wali *ijbar* itu berwakil dalam maddah 186 hingga 187, orang yang jadi wakil wali dalam maddah 188, menyiasat keadaan laki-laki dalam maddah 189 dan syarat berwakil dalam maddah 190 hingga 191. Fasal ke-16 tentang bertahkim pada akad nikah dengan dimulakan dengan tajuk hukum bertahkim dalam maddah 192 dan syarat orang yang menjadi muhakkam dalam maddah 193 hingga 195. Fasal ke-17 tentang wali kepada dua pihak dalam maddah 196 hingga 201, fasal ke-18 tentang hukum jika wali *aqrab* (yang hampir) itu tertengah dalam maddah 202 hingga 203, fasal ke-19 tentang hukum berhimpun beberapa wali nikah dalam maddah 204 hingga 210, fasal ke-20 tentang hukum mengahwinkan perempuan oleh dua wali beserta atau bertertib dalam maddah 211 hingga 220.

Fasal ke-21 tentang hukum wali berwakil dan laki-laki berwakil dalam maddah 221 hingga 229, fasal ke-22 tentang hukum *kufu* dalam maddah 230 hingga 244, fasal ke-23 tentang pada menyatakan sifat-sifat *kufu* dalam maddah 245, *kufu* pada nasab (maddah 246), *kufu* pekerjaan (maddah 247), *kufu* pihak merdeka (maddah 248), *kufu* orang yang soleh (maddah 249), *kufu* orang yang beragama (maddah 250), *kufu* pihak baik dan tidak baik (maddah 251), *kufu* orang kaya (maddah 252) dan *kufu* orang yang berilmu (maddah 253).

Fasal ke-24 tentang perkahwinan orang yang ditegah memerintah hartanya (*mahjur`alaih*) dan seumpamanya dalam maddah 254 hingga 269, fasal ke-25 tentang hukum membaiki nafsu bapa (*i'faf*) dalam maddah 270 hingga 274. Maddah 270 menyatakan, “*Wajib atas anak yang merdeka lagi berkuasa (mampu), laki-laki atau perempuan membaiki nafsu bapanya dan datuknya sama ada dari sebelah bapa atau ibu supaya tiada memperlakukan perbuatan yang keji-keji (zina), iaitu memberi akan dia mahar mithil perempuan yang merdeka. Wajib atas anak yang tersebut pula memberi belanja dan nafkah mereka-mereka yang tersebut.*”

Fasal ke-26 tentang hukum khiyar nikah dalam maddah 275 hingga 295, fasal ke-27 tentang khiyar syarat dalam maddah 296 hingga 297, fasal ke-28 tentang khiyar menyalahi sangka dalam maddah 298 hingga 302, fasal ke-29 tentang bini kepada seorang hamba atau *mukatib* atau *mub`ad* dalam maddah 303 hingga 306. Fasal ke-30 tentang maskahwin (mahar) dimulakan dengan hukum menyebut maskahwin (maddah 307), sekurang-kurangnya dan sebanyak-banyak maskahwin (maddah 308), maskahwin yang telah ditetapkan di Johor

(maddah 309 hingga 312). Maddah 309 menyatakan, “*Adapun dalam seluruh negeri dan jajahan Johor telah ditetapkan banyaknya iaitu sekati perak yang bersamaan dengan dua puluh dua ringgit setengah tidak lebih dan boleh kurang.*” Maskahwin daripada perak dan lain-lain (maddah 313 hingga 326).

Fasal ke-31 tentang maskahwin (mahar) fasad dalam maddah 327 hingga 334. Fasal ke-32 tentang orang yang berkuasa pada menerima maskahwin (mahar) dimulakan dengan orang yang berkuasa pada menerima maskahwin (maddah 335), tertib minta balik maskahwin perempuan yang kecil (maddah 336), maskahwin milik (maddah 337), dan maskahwin jadi pusaka (maddah 338). Fasal ke-33 tentang *tafwid mahar* (serahan mahar) dalam maddah 339 hingga 348, fasal ke-34 tentang hukum maskahwin pada nikah yang fasad (maddah 349 hingga 352), fasal yang ke-35 tentang hukum maskahwin yang separuh dan yang gugur (maddah 353 hingga 366). Fasal ke-36 tentang hukum *daman* maskahwin dan binasa (maddah 367 hingga 371), menanggung maskahwin (maddah 372), maskahwin boleh dituntut pada yang ditanggungnya (maddah 373), dan maskahwin yang telah ditunaikan bapa tidak boleh dituntut balik (maddah 374).

Fasal ke-37 tentang hukum *mut`ah* iaitu harta barang atau wang yang wajib diberi kepada perempuan yang diceraikan oleh laki (maddah 375 hingga 382), fasal ke-38 tentang hukum bersalah-salahan pada maskahwin dan bersumpah, dimulakan dengan subtopik bersalahan kadar maskahwin (maddah 383), hukum bersumpah (maddah 384 hingga 393), dan hantaran bertunang (maddah 394 hingga 399). Fasal ke-39 tentang hantaran dan perkakasan rumah, dimulakan dengan subtopik tidak dipaksakan bapa mengadakan harta kepada anaknya yang perempuan (maddah 400 hingga 401), dan harta yang diberi bapa kerana persediaan kahwin anak perempuannya yang kecil (maddah 402 hingga 417).

Fasal ke-40 tentang nikah perempuan kitabiyah (lihat maddah 133, 134, 135, 136 dan 137) dimulakan dengan subtopik nikah perempuan kitabiyah dengan laki-laki Islam (maddah 418), keadaan kahwin yang lebih dari seorang (maddah 419), perempuan Islam tidak sah nikah dengan laki-laki lain agama (maddah 420), nikah yang berlainan agama tidak merosakkan agama masing-masing (maddah 421), anak ternisbah kepada bapa (maddah 422), dan tegahan mewaris sebab bersalahan agama (maddah 423 hingga 425). Fasal ke-41 tentang hukum berpindah ke yahudi, nasrani dan murtad dengan subtopik berpindah agama (maddah 426 – 428), fasal ke-42 tentang hukum laki bini kemudian daripada Islam keduanya atau salah seorang (maddah 429 hingga 437), fasal ke-43 tentang hukum mensabitkan Islam budak (maddah 438 hingga 452), fasal ke-44 tentang hukum membeli anak *dhimmi* dan *harbi* dengan subtopik tidak sah menjual anak (maddah 453 hingga 457), dan fasal ke-45 tentang berbantahan antara laki bini pada wati dan tidaknya. Ia dimulakan dengan subtopik perbantahan dalam hal wati (maddah 458 hingga 468).

Juzuk pertama ini diakhiri dengan tajuk *al-walimah* (jamuan kerana perkahwinan) dengan mengandungi dua ingatan. Ingatan pertama, “*Walimah itu sunat pada nikah. Baginya beberapa hukum dan adab bagaimana tersebut di dalam kitab-kitab yang besar-besar. Kita tidak sebutkan di sini kerana tidak bergantung dengan hukuman kadi-kadi pada ghalib, Wallahu a`lam.*” Ingatan yang kedua pula menyatakan, “*Perkataan cina buta itu maknanya muhallil, kita sudah periksa tidak dapat asalnyanya tetapi ada juga orang berkata barangkali asalnyanya cinta buta.*”

Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Kedua

Teks Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Kedua menghuraikan di bawah tajuk “*Menyatakan masalah-masalah yang tertentu dengan diri tiap-tiap manusia dalam ehwal perkahwinan dan berlaki bini*”. Ia dikeluarkan oleh Jabatan Agama Johor, Johor Bahru pada tahun 1940. Al-Sayed `Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor telah memulakan kitab ini dengan Pendahuluan Juzuk Yang Kedua dengan kenyataannya yang agak ringkas dibandingkan dengan pendahuluan dalam juzuk yang pertama. Beliau menyatakan, “*Amma ba`d, juzuk yang kedua daripada Kitab Ahkam Syar`iyyah Johor yang saya petikkan di daripada Kitab al-Tuhfat, al-Nihayah, Syarh al-Raud, Fatawa Ibnu Hajar dan lain-lain daripada kitab-kitab fiqh. Allah juga dipohonkan memberi manfaat kepada orang yang muslimin dengan kitab ini. Amin.*”

Kandungan Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Kedua

Ahkam Syar`iyyah Johor Juzuk Kedua mengandungi satu kitab dan lima bab. Bab yang pertama mengandungi satu fasal, bab yang kedua mengandungi 6 fasal, bab yang ketiga mengandungi 2 fasal, bab yang keempat mengandungi 6 fasal, dan bab yang kelima mengandungi 14 fasal. Bab yang pertama, fasal pertama tentang campuran laki bini (maddah 469 hingga 480), bab yang kedua tentang giliran mengandungi 6 fasal dan diakhiri dengan 1 ingatan. Fasal pertama tentang orang yang wajib atas giliran dan orang yang mustahak giliran dan mereka yang gugur daripadanya hak giliran (maddah 481 hingga 494).

Maddah 470 menyatakan, “*Sunat bagi laki bergurau senda dengan bininya dan berlemah lembut dengan dia dan sunat jangan disunyikan tetapi hendaklah ia ada bersama-sama dan jangan berlamaan masa tidak seketiduran dengan tidak ada uzur dan beradab ketika itu dengan adab syar`i seperti basmalah (mengucap bismillah), doa yang masyhur dan mendahulukan gurau senda.*” Maddah 479 pula menyatakan, “*Haram atas laki memberi mudarat dan menyakiti bininya dan meninggalkan daripada bercakap-cakap (tidak bertegur) dan tidak menyempurnakan satu hak daripada hak-haknya yang wajib seperti maskahwin, nafkah, tidur bersama-sama dan giliran. Demikian juga haram atas bini memudarat, menyakiti, tidak bertegur dan enggan daripada menyempurnakan satu hak daripada hak-hak laki seperti bersuka-suka dengan tidak ada uzur syar`i padanya.*”

Fasal ke-2 tentang tempat dan masa giliran (maddah 495 hingga 504), fasal ke-3 tentang masa giliran (maddah 505 hingga 525), fasal ke-4 tentang menyamakan antara bini-bini (maddah 526 hingga 534), dan fasal ke-5 tentang aniaya pada giliran bagi seorang bini dan mengulangi (*qada`*) dan memberi giliran (*hibah*) (maddah 535 hingga 547).

Maddah 495 menyatakan, “*Giliran itu wajib atas tiap-tiap laki yang gila atau berakal atau yang safih sekalipun murahaq (bodoh yang hampir hendak baligh) atau budak yang sudah mumaiyiz yang boleh mewati. Maka jika zalim murahaq itu, maka dosanya di atas walinya.*” Maddah 496 menyatakan, “*Haram dihimpunkan bini itu di suatu tempat sekalipun semalam, melainkan dengan reda sekeliannya kerana dicampurkan itu membawa kepada berbanyak perbantahan dan merungsingkan kehidupan. Demikian jua dicampurkan bini dengan jariyah (hamba sahaya).*” Maddah 526 menyatakan, “*Wajib disamakan antara bini-bini di dalam giliran. Maka haram dilebih-lebihkan seorang atas yang lainnya kerana mereka bersamaan pada maksud nikah.*”

Fasal ke-6 tentang musafir dengan setengah-setengah bini (maddah 548 hingga 558) dan diakhir dengan ingatan yang menyatakan, “*Sayugia bagi kadi-kadi selalu membaca akan maddah-maddah ini supaya dihukumkan laki yang zalim (aniaya) mengqada’kan hak bininya yang teraniaya dan memerintahkan laki itu supaya adil dengan diberi amaran atau disiksa atas meninggalkan perintahannya itu. Lagi hendaklah diberikan ingatan kepada mereka (laki-laki) akan disoal kelak pada hari kiamat daripadanya, bersabda Rasulullah s.a.w maksudnya, Tiap-tiap seorang daripada kamu itu memerintah dan tiap-tiap seorang daripada kamu akan disoal daripada perintahannya (rakyatnya).*”

Bab yang ketiga mengandungi 2 fasal. Fasal yang pertama tentang hukum *nusyuz* (derhaka) dan *shiqaq* (perselisihan) antara laki dan bini (maddah 559 hingga 573) dan fasal ke-2 tentang *shiqaq* (maddah 574 hingga 583). Bab yang keempat tentang hukum *khulu`* mengandungi 2 fasal. Fasal yang pertama tentang makna *khulu`*, keharusannya, faedahnya, paksa ber*khulu`* dan *dabitnya* (kaedahnya) (maddah 584 hingga 595) dan fasal ke-2 tentang hakikat *khulu`* dan rukun-rukunnya (maddah 596 hingga 621). Ia mengandungi subtopik laki dan yang dilazimkan (maddah 622), bini atau penerima *khulu`* (maddah 623 hingga 634), dan *al-`iwad* (tebusan) (maddah 635 hingga 642).

Fasal ke-3 tentang wakil pada *khulu`* (maddah 643 hingga 651) dan *khulu` ajnabi* (orang lain) lihat maddah 649 dan 648 (maddah 652 hingga 660). Fasal ke-4 tentang lafaz yang melazimkan *`iwad* dan perkara yang bergantung dengannya (maddah 661 hingga 705), fasal ke-5 tentang hukum *ta`lik talak* dengan *ibra`* (melepaskan sesuatu) dan dengan nazar (maddah 706 hingga 725), fasal ke-6 tentang bersalah-salahan antara laki dan bini dalam *khulu`* (maddah 726 hingga 738) dan diakhiri dengan ingatan dan *khatimah*.

Dalam ingatan dinyatakan, “*Di dalam bab ini ada baki beberapa masalah dan surah yang lain kita tidak sebutkan di sini kerana takut jadi panjang tetapi seberapa yang kita telah sebutkan itu ada dalil (tanda) menunjukkan atas yang baki itu bagi mereka yang baik ta`ammul (amat-amati) dan baik fahamnya.*”

Bab yang kelima tentang hukum talak (maddah 739 hingga 740), yang mengandungi 14 fasal. Fasal yang pertama tentang rukun talak (maddah 741), Fasal yang ke-2 tentang *al-mutalliq* (yang mentalakkan) (maddah 742 hingga 747), fasal yang ke-3 tentang perkataan *sighah* talak dan bahagiannya (maddah 748 hingga 753), fasal yang ke-4 tentang *al-sarih* (lafaz sarih) (maddah 754 hingga 769), fasal ke-5 tentang hukum *kinayah* (maddah 770 hingga 798), fasal ke-6 tentang *kitabah al-talaq* (talak dengan surat) (maddah 799 hingga 810), fasal ke-7 tentang serahan talak kepada bini (maddah 811 hingga 844), fasal ke-8 tentang setengah daripada syarat-syarat *sighah* dan *mutalliq* (orang yang mentalakkan) (maddah 845 hingga 851), fasal ke-9 tentang *qasad* talak (maddah 852 hingga 867), fasal ke-10 tentang talak bagi orang yang bergurau-gurau (maddah 868 hingga 875), fasal ke-11 tentang talak orang yang dipaksa (maddah 876 hingga 891), fasal ke-12 tentang talak orang yang hilang akal (maddah 892 hingga 897), fasal ke-13 tentang rukun yang keempat iaitu *mahal* (orang yang boleh menerima talak) (maddah 898 hingga 907) dan fasal ke-14 tentang *mahal talak* dan *walayah* atasnya (maddah 908 hingga 928).

Maddah 739 menyatakan, “*Talak itu ialah menghuraikan akad (simpulan) nikah dengan suatu lafaz daripada lafaz-lafaz yang akan disebutkan.*” Maddah 747 menyatakan, “*Tidak gugur talak dengan disembunyikan di dalam hati akan perkataan, “engkau tertalak”, atau “aku talakkan engkau” di sisi mazhab kita (Shafi`i), demikian juga kalau terlintas di dalam hati ketika pertengkaran dan marah atau sebagainya daripada cita-cita dalam hati hendak menceraikan maka tidak gugur talak dengan yang tersebut sama sekali.*” Juzuk yang

kedua ini diakhiri dengan kata-kata, “*Alhamdulillah Rabbil `Alamin. Tamat juzuk yang kedua daripada Ahkam Syar`iyyah Johor mengiringi juzuk yang ketiga awalnya bab yang keenam.*”

Kesimpulan

Penyusunan Ahkam Syar`iyyah Johor ini memperlihatkan bahawa kerajaan Johor telah mendahului negeri-negeri Melayu yang lain dalam merangka satu model kod undang-undang keluarga Islam sebagai rujukan para Kadi yang lebih substantif dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul mengenai perkara tersebut. Pengaruh Khilafah Othmaniyyah di Turki yang begitu kuat dalam semua aspek menjadikan Johor negeri yang begitu bersungguh-sungguh melaksanakan perundangan Islam tatkala penjajah Inggeris mula menguasai negeri-negeri Melayu. Kedaulatan dan kekuasaan Sultan Johor, Mufti, Jabatan Agama, Kadi dan seluruh pemerintah Johor melambangkan jatidiri dan model kekuatan institusinya di peringkat global. Ini dijelaskan di bahagian pendahuluan Ahkam Syar`iyyah Johor yang ditulis oleh al-Syed Alwi bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor pada 13hb. November, 1935 Masihi yang menyebut, “*Syahdan termustahaklah bagi pengawai-pengawai agama kepada muslimin mengambil berat atas hukum-hukum ini dan memperlazimkan serta memasyhurkan di antara muslimin yang demikian dipohonkan pemerintah-pemerintah mengambil ingatan memperlakukan dengan sempurnanya dan mendirikan Kadi-Kadi yang adil bagi memperluaskan dan menguatkan perkara-perkara yang menakutkan supaya dijalan dan diamalkan.*”

Sebelumnya Johor juga telah mendahului negeri-negeri Melayu lain dalam penyusunan undang-undang substantif mengenai “mu`amalat” atau undang-undang mal Islam dengan tergubalnya “*Majalah Ahkam Johor 1913.*” Kedua-dua langkah di atas menunjukkan Johor begitu bersungguh-sungguh menukarkan undang-undang adat yang sebelum itu penggunaannya begitu meluas di negeri-negeri Melayu kepada undang-undang Islam. Walau bagaimanapun proses tersebut telah terbantut disebabkan campurtangan Inggeris di negeri Johor. Hakikatnya Johor begitu bersungguh-sungguh melaksanakan undang-undang Islam dalam berbagai aspek bagi mengukuhkan institusi Islam bersifat global di negeri Johor.

Rujukan

- Abd Jalil Borham (2002), *Majalah Ahkam Johor: Kod Undang-Undang Sivil Islam Kerajaan Johor*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia
- Abd Jalil Borham (2002), *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Perlaksanaan dan Komentari*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia
- Abd Jalil Borham (2002), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Abd Jalil Borham (2013), *The Influence of Turkish Ottoman Islamic Civil Law in 19th Century in the State of Johor, Malaysia*, American International Journal of Contemporary Research (AIJCR) Vol.3 No. 8, Center for Promoting Ideas (CPI) USA. 30 August, 2013. page 59-62.
- Abd Jalil Borham (2013), *The Relationship Between Turkey and Malaysia in 19th Century and the Impact of Implementation of Majalah Ahkam Johor*. The International Journal of

- Social Sciences (TIJOSS) Vol. 13 No. 1, ARF Publication Sourcing, Islamabad, Pakistan, 30th July 2013. Page 46-50.
- Abd Jalil Borham (2002), *Ahkam Syar`iyyah Johor: Kod Undang-Undang Keluarga Islam Kerajaan Johor Tahun 1935*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia
- Abdullah bin Muhammad (Okt, 1971), "The Travels of Abu Bakar, Maharajah Johore to the Far East", Kuala Lumpur: *Malaysia in History*, vol. XIV, No. 1.
- Abu Bakar Hamzah (1988), *Majalah Ahkam Johor Yang Dipadankan Dari Majallah al-Ahkam al-`Adliyyah*, tanpa penerbit.
- Ahkam Syar`iyyah Johor* (1940), Juzuk Kedua, Johor Bahru: Jabatan Agama Johor.
- Ahkam Syar`iyyah Johor* (1935), Juzuk Pertama, Johor Bahru: Jabatan Agama Johor.
- Aturan Menjalankan Bicara Mahkamah Syar`iyyah Di Dalam Perkara Yang Berkenaan Dengan Hal Ehwal Al-Syahsiyyah 2603* (1943), dalam fail Pejabat Agama Johor bil. 326/1951, Arkib Negara Cawangan Selatan, Johor Bahru.
- Buyong Adil (1980), *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fawzi Basri (1983), *Warisan Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Majalah Ahkam Johor*, Muar: Kerajaan Johor, 1331H.
- Mohd. Said Hj. Sulaiman (1951), *Hikayat Johor dan Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor Dari Permulaan hingga Kedatangan Jepun*, Johor Bahru: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Onn Jaafar (1935), *Selamat Johor, Tanda Kenang-Kenangan Peningat Kesyukuran Ulang Tahun yang ke-40 bagi ke bawah DYMM Sultan Ibrahim bersemayam di Singgahsana Tahta Kerajaan Johor*, Singapura.
- Peraturan Mahkamah Qadi Syar`iyyah Bagi Menjalankan Perkara-Perkara Yang Berkenaan Dengan Ehwal Orang-Orang Islam 1934*, Jabatan Agama Johor, Arkib Negara Cawangan Selatan, Johor Bahru.
- Shannon Hussein (1950), *Tawarikh Johor*, Johor Bahru: Jabatan Persuratan Guru-Guru Melayu.
- Shamsiah Ibrahim (1976), *The Administration of Islamic Law in Johor*, Tesis LLB Universiti Malaya, unpublished.